

on 17 April 2014

## Latihan Perubatan Terbaik: UNIMAS jalin MoU dengan Pusat Perubatan Timberland



KOTA SAMARAHAN, 17 April 2014 : Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan Pusat Perubatan Timberland telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama hari ini dalam usaha menjalin kerjasama dalam penyediaan pusat latihan terbaik kepada pelajar dan pakar perubatan.

Majlis tersebut yang berlangsung di Galeri Rumah Universiti, UNIMAS telah dilwakili oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Profesor Dr Kopli Bujang dan Pusat Perubatan Timberland diwakili oleh Pengarah Urusan, Dr Denis Yu Hee Yong.

Majlis bersejarah itu disaksikan oleh Menteri Muda Kesihatan Awam Sarawak, Datuk Dr Jerip ak Susil, Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UNIMAS, Profesor Dr. Ahmad Hata Rasit.

Hadir sama ialah Pengerusi Lembaga Pengarah UNIMAS, Datu Dr Hatta Solhi, Timbalan Dekan (Pembangunan dan Perkhidmatan Klinikal), Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UNIMAS, Profesor Dr Awi ak Idi, Pengerusi Lembaga Pengarah Pusat Perubatan Timberland, Dr Peter Wong Toh Lee serta Pengarah Eksekutif, Pusat Perubatan Timberland, Dr Patrick Lau.

MoU berkenaan berkaitan kerjasama antara dua pihak terbabit dalam menyediakan pusat latihan yang terbaik bagi para pelajar perubatan dan pakar-pakar perubatan terutama dalam aktiviti-aktiviti promosi program akademik dan penyelidikan.

Kerjasama itu dilihat membuka peluang kepada pakar-pakar perubatan UNIMAS menyumbang perkhidmatan klinikal, pertukaran pengetahuan dan kemahiran serta perkhidmatan kepada komuniti.

Manakala Pusat Perubatan Timberland bersedia untuk menyumbang tenaga pakar-pakar mereka dalam bidangurgeri, optamologi, kardiologi, neurologi serta gastroanterologi untuk terlibat di dalam akitivti pembelajaran dan pengajaran di UNIMAS sebagai sebahagian dari tanggungjawab sosial korporat mereka.

Pusat Perubatan Timberland telah dipilih berdasarkan kedapatan pakar-pakar perunding bereputasi serta kemudahan infrastruktur yang boleh diguna sama.

Selain dari menawarkan perkhidmatan kepakaran di Pusat Perubatan Timberland, pakar-pakar perubatan UNIMAS juga disediakan insentif ganjaran dan ini dijangka boleh menarik lebih ramai pakar-pakar daripada luar negara dan tempatan untuk berkhidmat dengan UNIMAS

Artikel oleh Sarena Haidir || Foto : Azlandy Mohammid Ali Tuah || Bahagian Perancangan & Komunikasi Korporat